

**Bahagian A****[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis faktor pengeluaran.

Faktor pengeluaran	Keterangan
A	Mempunyai mobiliti kegunaan
B	Melancarkan proses pengeluaran barang

- (i) Kenal pasti A dan B.

.....  
.....

**[2 markah]**

- (ii) Jelaskan ciri lain bagi kedua-duanya.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

- (b) Bagaimanakah ekonomi Islam menjadi sebahagian sistem hidup masyarakat?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[3 markah]**

- (c) Maklumat berikut menunjukkan kos yang ditanggung oleh firma Zara untuk mengeluarkan dua jenis barang.

Minyak wangi	Pewangi kereta
RM360 000	RM330 000

Bagaimakah firma tersebut menyelesaikan masalah ekonomi jika mempunyai modal sebanyak RM500 000?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (d) Jadual berikut berkaitan dengan penawaran dua buah firma dalam pasaran.


Harga (RM)	Penawaran pasaran (unit)	
	Firma Y	Firma W
6	300	700
8	500	1 000
10	600	1 200

Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (e) Rajah berikut berkaitan dengan permintaan suatu barang.



Jelaskan strategi firma untuk memaksimumkan jumlah hasil barang tersebut.

[4 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan individu.

Pelaburan Minimum (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh (bulan)
5 000	2.60	1
1 000 - 5 000	2.75	3
	2.80	12

Jelaskan konsep pelaburan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan kaedah pembelian telefon mudah alih secara kredit.



- (i) Terangkan fitur ekonomi yang terlibat.

.....

.....

.....

.....


.....

[4 markah]

- (ii) Mengapakah kaedah pembayaran di 2(b)(i) semakin popular pada masa kini?

[3 markah]

- (c) Gambar berikut menunjukkan dua jenis input dalam proses pengeluaran.



Gambar 1



Gambar 2

Bandingkan kedua-dua jenis input tersebut.

A faint, light blue watermark is centered on the page. It features a large, ornate floral or foliate design, possibly a crest or emblem, with intricate patterns and scrollwork. The watermark is semi-transparent, allowing the underlying text to be visible.

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu projek pembangunan.

Projek tambakan laut di Pulau Pinang Selatan (PSI) memberi kesan kepada alam sekitar dan pelbagai hidupan marin di negeri itu serta jiranannya Perak Utara, Kedah Selatan dan Selangor.

Sumber : Ubah suai <https://www.bharian.com.my>, 28 April 2023

Jelaskan kos sosial kesan daripada projek tersebut.

[4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tempoh tiga tahun.

Tahun	2019	2020	2021
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (RM bilion)	1 424.3	1 343.9	1 386.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- (i) Tentukan arah aliran KDNK Malaysia bagi tahun 2019 hingga 2021.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) Berikan justifikasi perubahan KDNK pada tahun 2019 hingga 2020.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah bertindak menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) daripada 2.75 peratus kepada 3.00 peratus.

Sumber: Ubah suai <https://www.harianmetro.com.my>, 4 Mei 2023

Jelaskan kesan tindakan tersebut kepada firma.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan sebuah syarikat di Malaysia.

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Beroperasi di Asia dalam bidang telekomunikasi</li><li>• Menggaji hampir 30 000 pekerja</li></ul>
---	---

- (i) Apakah ciri-ciri syarikat di atas?

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) Terangkan faktor yang mendorong syarikat tersebut beroperasi di Asia.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Pound Sterling (GBP).

GBP 1	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
	5.8371	6.0567

- (i) Bezakan antara harga belian dengan harga jualan mata wang.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) Hitungkan jumlah yang perlu dibayar dalam sebutan Pound Sterling (GBP) jika firma dari Malaysia membeli sebuah mesin dari Britain yang berharga RM200 000.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

**Bahagian B****[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu projek pembangunan di Malaysia.

Menteri Pengangkutan memaklumkan pihaknya akan berbincang dengan pihak yang berkaitan tentang Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) agar tambang tiket penumpang yang akan ditetapkan pada masa akan datang adalah berpatutan dan mampu dibayar oleh rakyat.

Sumber: Ubah suai astroawani.com, 12 Mei 2023

- (a) Huraikan ciri-ciri sistem ekonomi di negara tersebut. [5 markah]
- (b) Mengapa kerajaan perlu campur tangan dalam projek pembinaan tersebut? [6 markah]
- (c) Projek tersebut memberikan kesan positif kepada ekonomi negara. Kemukakan hujah anda. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan individu.

Penganalisis Ekonomi Universiti INCEIF, Prof Madya Dr Baharom Abdul Hamid berkata tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah membimbangkan. Ini disebabkan kurang pengetahuan tentang penyediaan belanjawan peribadi, trend berbelanja melebihi kemampuan, tiada simpanan asas peribadi, dan penggunaan kad kredit yang boleh menjerumuskan rakyat ke kancang hutang.

Sumber: Ubah suai bhonline.com.my, 16 Mei 2022

- (a) Jelaskan konsep belanjawan peribadi. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah belanjawan peribadi dapat mengelakkan individu daripada berhutang? [7 markah]
- (c) Sebahagian besar individu yang tiada simpanan peribadi akan memberi kesan berpanjangan kepada kualiti hidup mereka. Beri pandangan anda. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia.

Kerajaan perlu serius dalam menangani perubahan kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia kerana ia memberi impak besar kepada firma tempatan. Nilai Ringgit Malaysia telah berubah berbanding Dolar Amerika (USD) iaitu daripada USD1 = RM4.25 pada Januari 2023 kepada USD1 = RM4.64 pada Jun 2023. Keadaan ini telah menjelaskan firma yang terlibat dalam aktiviti import. Namun sebaliknya memberi manfaat kepada pengeksport dalam jangka masa pendek.

Sumber: Ubah suai utusan.com.my, 23 Jun 2023

- (a) Jelaskan keadaan Ringgit Malaysia berdasarkan situasi tersebut. [4 markah]
- (b) Bagaimakah keadaan tersebut menjelaskan firma yang terlibat dalam aktiviti import? [7 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani situasi di 6(a). [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan langsung asing di Malaysia.

Malaysia telah menarik sejumlah RM193.7 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan dan sektor pertanian yang melibatkan 2 786 projek bagi tempoh Januari sehingga September 2022. Pencapaian ini merupakan peningkatan 2.5 peratus berbanding pelaburan pada tempoh yang sama tahun lepas. Pelaburan tersebut telah mewujudkan 98 414 peluang pekerjaan di negara ini.

Sumber: Ubah suai Kosmo, 15 Disember 2022

- (a) Huraikan sektor-sektor ekonomi dalam situasi di atas. [5 markah]
- (b) Bagaimakah pelaburan langsung asing memberi impak positif kepada ekonomi negara? [6 markah]
- (c) Peningkatan pelaburan langsung asing memberi implikasi kepada akaun semasa negara.  
Bincangkan. [9 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**